

INFO PENTING

- (a) Sila pastikan semua maklumat/dokumen yang dimuatnaik dan dihadapkan adalah terang, jelas dan mudah untuk dibaca.
 (b) Permohonan yang tidak lengkap tidak akan diterima oleh Jabatan Perbendaharaan.
 (c) Dokumen HL01 - HL06 boleh diperolehi di laman sesawang MOFE atau di pautan berikut:

<https://www.mofe.gov.bn/Treasury/Downloadable%20Forms.aspx>

PERHATIAN:

TIDAK DIBENARKAN untuk memulakan kerja-kerja pengubahsuaian/ penambahbaikan rumah sebelum mendapat kelulusan/ kebenaran bertulis daripada Jabatan Perbendaharaan bagi pengubahsuaian/ penambahbaikan rumah yang dipohonkan di bawah Skim Pinjaman Kewangan Perumahan (SPKP).

Jika didapati kerja-kerja pengubahsuaian/ penambahbaikan telah dimulakan sebelum mendapat kebenaran/ kelulusan, maka Jabatan Perbendaharaan tidak akan teragak-agak untuk membatalkan kebenaran/ kelulusan yang telah diberikan berkenaan atau mengurangkan jumlah pinjaman rumah mengikut peraturan dan garis panduan yang berjalan pada masa ini.

JENIS PERMOHONAN:	
PENGUBAHSUAIAN/PENAMBAHBAIKAN	
(bagi rumah di bawah kawalan Jabatan Kemajuan Perumahan (SPN/STKRJ))	
DOKUMEN-DOKUMEN YANG PERLU DIMUAT NAIK DI SSM	
1	Kad pengenalan yang jelas, lengkap depan & belakang dan masih sah
2	Surat lantikan awal jawatan dari Jabatan Perkhidmatan Awam
3	Surat pengesahan melapor diri bertugas dari Jabatan
4	Surat lantikan kenaikan pangkat yang terkini (jika berkenaan)
5	Geran Tanah atas nama pemohon (jika memohon secara persendirian) dan suami/isteri (jika memohon secara bersama)
6	Surat pengesahan daripada Jabatan Kemajuan Perumahan (Per: Kepada Yang Berkenaan) diperuntukan rumah
7	Surat daripada JKP kepada pemohon mengenai Per: Pembayaran Balik Pinjaman Perumahan.
8	Salinan Memorandum dari JKP mengenai kebenaran tukar milik (ambil alih) dan Penyata Jadual pinjaman rumah, jika berkenaan
9	Surat kebenaran kemajuan tambahan/ Permit Pelan Bangunan dari ABCI yang masih sah tempoh
10	Pelan rumah setiap aras (i.e. <i>ground dan first floor</i>) dan <i>site development plan</i> yang dicop dan disahkan oleh Pihak Berkuasa yang Layak Kawalan Kemajuan (ABCI) dan lengkap tandatangan pemilik – pelan ukuran kertas A4.
11	Surat pemohon yang menyenaraikan skop-skop kerja pengubahsuaian/ penambahbaikan rumah kepada Ketua Juru Ukur Bahan, Bahagian Ukur Bahan, Jabatan Perkhidmatan Teknikal, Kementerian Pembangunan, NBD. [Contoh surat boleh didapati di laman sesawang MOFE atau pautan ini https://www.mofe.gov.bn/Treasury/Downloadable%20Forms.aspx .]
12	Gambar berwarna rumah empat (4) sudut luaran yang berlainan sebelum pengubahsuaian/ penambahbaikan dibuat
13	Gambar-gambar berwarna bagi sudut/ruang yang hendak dibuat pengubahsuaian/ penambahbaikan, jika berkaitan.
14	Penyata Bank 3 bulan kebelakangan
15	Jika perlu sahaja: (1) <i>Certificate of Balance</i> yang terkini (jika terdapat potongan yang baru di dalam penyata dalam tempoh 3 bulan kebelakangan berkenaan) dan/atau (2) <i>Clearance letter</i> daripada bank yang berkenaan (jika ada potongan yang telah selesai di dalam penyata dalam tempoh 3 bulan kebelakangan berkenaan)
[HL01] Pengesahan/Pengakuan Potongan Bulanan Perkhidmatan untuk bayaran balik Skim Pinjaman Kewangan Perumahan	
[HL02] Borang pengesahan <i>Certificate of Balance (COB)</i> dan/atau Penyata Bank	
[HL03B] Surat Pengakuan Memberi Persetujuan (Perumahan) yang disahkan oleh Jabatan Mahkamah dan Jabatan Tanah/ Jabatan Kemajuan Perumahan, jika memohon perseorangan dan dalam geran tanah ada nama suami/isteri	
[HL05A/B] Borang Pengesahan dan Pengakuan bagi kerja-kerja Pembinaan / Pengubahsuaian/ Penambahbaikan rumah	

**Dokumen tambahan untuk dimuat naik oleh JKP semasa penilaian (edaran):**

Bagi permohonan di bawah Kawalan Jabatan Kemajuan Perumahan melalui Skim Rancangan Perumahan Negara dan Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati.

1) Memorandum kebenaran dari Jabatan Kemajuan Perumahan yang menyatakan perkara berikut:

- ☐ Maklumat mengenai dengan pemilik rumah seperti tarikh penganugerahan kunci rumah
- ☐ Kebenaran tukar milik (jika berkenaan)
- ☐ Kebenaran memasukkan nama suami / isteri
- ☐ Meluluskan permohonan membina / mengubahsuai / menambahbaik rumah
- ☐ Harga rumah di Jabatan Kemajuan Perumahan
- ☐ Taksiran harga pengubahsuaian / penambahbaikan rumah yang ditaksir oleh JKR
- ☐ Penyata Jadual pinjaman rumah (jika berkenaan)

2) Jika memohon secara bersama dan nama pasangan belum masuk ke dalam geran, hendaklah menyertakan salinan memorandum daripada JKP kepada Jabatan Tanah Kebenaran memasukkan nama suami/isteri ke dalam geran, jika berkenaan

[Bagi pemohon terdiri dari Pegawai dan Kakitangan Pasukan Polis Diraja Brunei]

Memorandum Jabatan Pemohon yang menyatakan perkara-perkara berikut:

- Tarikh mula berkhidmat dan tarikh bersara
- Gaji pokok terkini dan kenaikan gaji selama 4 tahun berikutnya
- Bahagian (*Division*) dan Sukatan Gaji

DOKUMEN-DOKUMEN LAIN YANG PERLU DISERTAKAN BAGI PEMOHON YANG TERDIRI DARIPADA PEGAWAI DAN KAKITANGAN ABDB, PENGHULU & KETUA KAMPUNG, ORANG-ORANG BERGELAR DAN DIHADAPKAN KE JABATAN PERBENDAHARAAN BERSAMA BORANG PERMOHONAN DAN PERSURATAN JABATAN BERKENAAN

(i) Pegawai dan Kakitangan ABDB

a. Surat Jabatan (Pejabat Gaji) Pemohon yang menyatakan perkara-perkara berikut:

- Tarikh mula berkhidmat dan tarikh tamat perkhidmatan
 - Gaji pokok terkini dan kenaikan gaji selama 4 tahun berikutnya
 - Bahagian (*Division*) dan Sukatan Gaji
- b. Surat daripada Pejabat Kewangan, Jabatanarah Keanggotaan, Kementerian Pertahanan [Per: Anggaran Bayaran Baksis, Kurnia Penempatan dan Pencen Bulanan]
- c. Surat daripada Jabatanarah Keanggotaan, Kementerian Pertahanan [Per: Pengesahan Tempoh Perkhidmatan/Lanjutan Perkhidmatan]

(ii) Orang-Orang Bergelar

- Memorandum pengesahan dari Jabatan Adat Istiadat mengenai dengan Elaun Gelaran yang dikurniakan.
- Salinan Slip Gaji Elaun Gelaran terkini.

(iii) Penghulu dan Ketua Kampung

- Memorandum Jabatan Pemohon

SEBARANG PERTANYAAN?

(673) 2383483



HL@treasury.gov.bn



Kaunter 5 & 6, Tingkat 1, Jabatan Perbendaharaan,
Bangunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi